

Headline	Bovendert bantu UniKL tebus kecewa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	409 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 40,629		



Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia



Pasukan UniKL bergambar bersama Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia selepas menewaskan pasukan THT 3-2 pada pelawanan Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia di antara UniKL bertemu THT di Stadium Hoki Nasional. (Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

Bovendert bantu UniKL tebus kecewa

Kuala Lumpur: Pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) merampas kejuaraan Piala Sumbangsih selepas menumpaskan Pasukan Hoki Terengganu (THT) 3-2 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, malam tadi.

Keputusan itu turut menyaksikan UniKL berjaya membalas dendam tahun lalu selepas tewas 3-1 menerusi penentuan penalti shoot out kepada THT pada aksi pembukaan Liga Hoki

Malaysia (MHL) itu.

UniKL membuka tirai jaringan hasil jaringan Muhammad Razie Abd Rahim pada minit ke-19 sebelum THT bangkit dengan dua gol Faizal Saari pada minit ke-26 dan 36.

Kedudukan itu bagaimanapun tidak bertahan lama apabila Razie berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-37, sebelum Roel Bovendert menjaringkan gol kemenangan UniKL pada minit ke-50.

Terdahulu, Maybank membuka tirai musim ini dengan langkah kanan apabila menewaskan Hockademy 4-1.

Hockademy terlebih dahulu membuka tirai jaringan menerusi Arif Sabron pada minit ke-24, sebelum Maybank bangkit dengan empat gol menerusi Muhammad Haziq Samsul pada minit ke-25, Muhammad Nur Asyraf Ishak (m-34), Muhammad Aslam Mohamed Hanafiah (m-44) dan Muhammad

Haziq Samsul (m-51).

TNB turut mempamerkan aksi cemerlang pada aksi pembukaan selepas mengatasi TNB Thunderbolts 3-1.

Jaringan TNB dihasilkan Norsyafiq Sumantri pada minit ke-26, Mohamad Akhimullah Anuar Esook (m-48) dan Muhammad Aminudin Mohd Zain (m-52), sementara gol tunggal TNB Thunderbolts disumbangkan Muhammad Fahmi Khalid (m-43).

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Malayan Banking Berhad (Malayan Banking Berhad)	2	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Hockey TNB Thunderbolts)	10	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	4	0	0
TNB Hockey Team (TNB Hockey Team)	4	0	0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	0
Universiti Kuala Lumpur (For UNITEN) (Universiti Kuala Lumpur)	8	0	0
Universiti Kuala Lumpur (UniKL) (Universiti Kuala Lumpur)	10	0	0